

**Umno: Kami mahu Mahathir sebagai PM tetapi dia letak jawatan**

**Malaysiakini**

**13 Julai 2020**

Mohamad Ariff Md Yusof akan terus kekal sebagai speaker Dewan Rakyat jika bekas perdana menteri, Dr Mahathir Mohamad tidak meletak jawatan dan sedia memimpin kerajaan Perikatan Nasional (PN), kata ahli Parlimen Umno.

Mereka berkata demikian semasa membahaskan usul Perdana Menteri Muhyiddin Yassin untuk menyingkirkan Mohamad Ariff selaku speaker di Dewan Rakyat hari ini.

"Semua ini berlaku kerana Tun, kerana Langkawi yang berhenti. Sebab itu berlaku pertukaran speaker.

"Kami BN, PAS, GPS diminta untuk menyokong Tun sebagai perdana menteri tetapi sayangnya Tun mengundurkan diri sehingga kami terpaksa memilih orang lain.

"Ketika Tun berhenti, kami tidak punya pilihan selain memilih Pagoh

(Muhyiddin) sebagai perdana menteri," kata Shahidan Kassim (BN-Arau) ketika membahaskan usul tersebut.

Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) kemudian menegaskan bahawa beliau juga mahukan Mahathir sebagai perdana menteri.

"Kami mahukan Tun tetapi dia memutuskan untuk mengundurkan diri, jadi terimalah. Kerajaan baru telah dibentuk, tidak ada yang salah.

"Sebelum ini, ketika Tun melantik Latheefa Koya ke SPRM dan Tommy Thomas 'rock and roll' sebagai (peguam negara), kami juga tidak mempersoalkannya.

"Perdana menteri hanya mahukan seorang speaker yang sehaluan dengan kerajaan demi kepentingan rakyat," katanya.

Shahidan kemudian meminta Mahathir untuk memberi penjelasan. Bekas perdana menteri dua kali itu menegaskan bahawa beliau tidak boleh bekerjasama dengan Umno.

"Saya memilih dengan siapa saya mahu bekerjasama. Apabila diberi pilihan untuk bekerjasama dengan Umno, Umno tidak sama dengan Umno yang diasaskan.

"Ini telah dirampas oleh orang-orang tertentu. Oleh itu, saya tidak dapat bekerjasama dengan Umno," kata Mahathir, yang memimpin Umno selama 22 tahun.

Bung Moktar kemudian berdiri dan memaklumkan bahawa mereka hanya mengikuti teladan Mahathir.

"Anda adalah orang yang mengajar kami bagaimana menggerakkan Umno, kami hanya mengikuti ajaran Tun," katanya.

Sebelumnya, Mahathir juga telah membahaskan usul berhubung penyingkiran Mohamad Ariff.

Dia berpendapat bahawa memiliki "calon lain" bukanlah alasan yang sah untuk menyingkirkan speaker.

"Sekiranya (speaker) meninggal dunia atau jika dia terlalu uzur untuk bekerja, maka ya (kita dapat menggantikannya), tetapi ini kerana dia (Muhyiddin Yassin) mempunyai calon yang berbeza.

"Saya juga mempunyai calon perdana menteri yang berbeza," kata Mahathir.

Usul tersebut akhirnya diputuskan dengan 111 menyokong dan 109 menentang.

Mohamad Ariff akan digantikan dengan bekas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Azhar Azizan Harun.

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/534157>